



3 Mei 2012
3 May 2012
P.U. (A) 124

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL KEDUA DAN KELIMA) 2012

JUDGES' REMUNERATION (AMENDMENT OF SECOND AND FIFTH SCHEDULES) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SARAAN HAKIM 1971

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM
(PINDAAN JADUAL KEDUA DAN KELIMA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45], Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua dan Kelima) 2012.**

(2) Perenggan 2(a), 2(c) dan 2(d) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

(3) Perenggan 2(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 Januari 2011.

(4) Perenggan 2(e) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 23 Januari 2009.

(5) Perenggan 2(f) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2010.

(6) Perenggan 3(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 September 2010.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua kepada Akta Saraan Hakim 1971, yang disebut "Akta ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda seperti yang berikut:

(a) dalam perenggan 1, dengan menggantikan perkataan 'Keistimewaan dan elaun dalam perenggan ini hendaklah diberikan atau dibayar walaupun Hakim telah diberi pinjaman di bawah skim pinjaman perumahan yang disebut dalam perenggan 14.

Dalam perenggan ini, “rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap” ertinya rumah tempat tinggal yang disediakan tanpa dikenakan sewa oleh Kerajaan dan disediakan dengan perabot mengikut garis panduan Kerajaan bagi penyediaan perabot di tempat tinggal yang sedemikian.’ dengan subperenggan yang berikut:

- ‘(A) Keistimewaan dan elaun dalam perenggan ini hendaklah diberikan atau dibayar walaupun Hakim telah diberi pinjaman di bawah skim pinjaman perumahan yang disebut dalam perenggan 14.
 - (B) Dalam perenggan ini, “rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap” ertinya rumah tempat tinggal yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Negara yang disediakan tanpa dikenakan sewa oleh Kerajaan dan disediakan dengan perabot mengikut garis panduan Kerajaan bagi penyediaan perabot di tempat tinggal yang sedemikian.
 - (C) Hakim yang tidak tinggal di rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap tidak layak untuk mendapat bayaran perumahan khas.’;
- (b) dalam perenggan 5–
- (i) dengan menomborkan peruntukan sedia ada sebagai subperenggan (a); dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (a) subperenggan yang berikut:

(1)	(2)
Peruntukan bagi sebuah kereta, dsb., untuk seseorang Hakim	Tarikh mula berkuat kuasa
<p>“(b) Kereta Kerajaan seseorang Hakim hendaklah dibekalkan dengan kad “Touch N Go” dan “Smart Tag” atau apa-apa peranti yang mempunyai fungsi yang sama mengikut kadar dan syarat seperti yang diberikan kepada pegawai Turus III dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa;</p> <p>(c) dalam perenggan 10–</p> <p>(i) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan perkataan “atau di Negara iklim sederhana” dengan perkataan “yang beriklim sejuk atau sederhana”; dan</p> <p>(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (d) subperenggan yang berikut:</p>	<p style="text-align: center;">13-1-2011”;</p> <p style="text-align: center;">(1)</p> <p style="text-align: center;">(2)</p> <p>Elaun bagi seseorang Hakim</p> <p style="text-align: center;">Tarikh mula berkuat kuasa</p> <p>“(e) Pasangan seseorang Hakim layak menerima elauan pakaian bagi menghadiri majlis pengurniaan pingat dan bintang, sama ada di peringkat</p>

Persekutuan atau Negeri, seperti yang diberikan kepada pegawai dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa;

(d) dalam perenggan 14–

- (i) dengan menomborkan peruntukan sedia ada sebagai subperenggan (a); dan
- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (a) subperenggan yang berikut:

(1)	(2)
-----	-----

Skim pinjaman perumahan bagi Hakim	Tarikh mula berkuat kuasa
------------------------------------	------------------------------

“(b) Seseorang Hakim yang dilantik daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang telah mendapat pinjaman perumahan daripada Kerajaan semasa dalam mana-mana gred layak mendapat kemudahan pinjaman semasa menjadi Hakim pada amaun pinjaman maksimum dan hendaklah dianggap sebagai pinjaman baru.

(c) Seseorang Hakim layak untuk memohon pinjaman kali kedua dalam tempoh perkhidmatannya, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan